

12 Pereka fesyen itu diberi tanggungjawab bagi menyediakan pakaian untuk Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.

13 Pihak berkuasa telah berjaya menyelesaikan beberapa kes-kes pecah rumah di kawasan perumahan itu.

14 Oleh sebab tidak mampu untuk membeli tilam, Danial dan adik-adiknya tidur beralaskan dengan tikar mengkuang.

15 Nenek memasakkan asam pedas ikan tenggiri untuk pak usu yang baru pulang dari luar negara.

16 Sementara menunggu keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, Haziq bekerja sambil di Resipi Bonda Restoran.

17 Golongan pendidik terpaksa berhadapan dengan cabaran yang lebih hebat di zaman sekarang.

18 Aliff mula menempa nama dalam sukan olahraga apabila dia memecahkan rekod sebagai pelari pecut yang paling terpantas dalam pertandingan tersebut.

B. Dalam petikan di bawah ini, terdapat **kesalahan-kesalahan bahasa**. Kenal pasti **empat** kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Kesalahan Bahasa: **Aros®**

Pelbagai gelagat dapat kita saksikan ketika menonton perlawanan hoki di stadium. Antara gelagat tersebut termasuklah para penonton-penonton bersorak, malah ada yang melepaskan perasaan geram kepada pemain serta pengadil disebabkan tidak berpuas hati dengan sesuatu insiden. Pihak pengurusan stadium biasanya menyediakan kumpulan keselamatan bagi memastikan keadaan terkawal. Di samping itu, anjing mengesan turut disediakan untuk mengawal penonton yang bertindak liar dan membahayakan lain-lain penonton. Selain itu, kerjasama daripada pihak penonton juga amat diperlukan bagi memberikan peluang kepada pemain-pemain untuk beraksi dengan baiknya tanpa gangguan.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____